


1 Mak Cik Zuraini menyangkan ikan bawal putih itu dengan sebilah _____ yang tajam.

- A sabit
- B pisau
- C kapak
- D parang

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



2 Abang Muhammad Azmi baru sahaja membeli sebuah kereta Honda _____ yang berwarna putih.

- A Yaris
- B Civic
- C Ativa
- D Exora

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 I Di antara acara permainan yang dipertandingkan ialah catur dan sahibba.
- II Buku atur cara temasya sukan yang berwarna biru itu adalah untuk tetamu khas.
- III Semua peserta pertandingan bicara berirama itu memperoleh sijil penyertaan.
- IV Berbagai aktiviti telah dirancang untuk mengisi perkhemahan pengakap itu.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amalan kitar semula bahan-bahan buangan dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar yang semakin hari semakin meruncing. Sikap segelintir masyarakat di negara kita yang sering memandang ringan terhadap pentingnya amalan kitar semula amatlah dikesali.

Kempen kitar semula merupakan suatu langkah yang bijak. Melalui kempen sebegini kita dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat tentang cara-cara dan kaedah mengitar semula bahan-bahan buangan. Jika bahan buangan tersebut kita kitar semula, kita telah menyelamatkan ekosistem *hidupan akuatik*, flora dan fauna daripada terjejas.

4 Apakah program yang sedang dijalankan berpandukan petikan di atas?

- A Kempen jual semula bahan-bahan buangan.
- B Kempen kitar semula bahan-bahan buangan.
- C Kempen buang semula bahan-bahan buangan.
- D Kempen simpan semula bahan-bahan buangan.

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan di atas.

- A Masyarakat kota menyambut baik program amalan kitar semula.
- B Masyarakat Malaysia sangat prihatin menjayakan amalan kitar semula.
- C Masyarakat luar bandar terlibat aktif dalam menjayakan amalan kitar semula.
- D Masyarakat di negara kita masih memandang ringan terhadap amalan kitar semula.

6 Frasa *hidupan akuatik* dalam petikan membawa maksud

- A haiwan yang menghuni di dalam air dan di atas darat.
- B hidupan yang bergantung hanya kepada air untuk hidup.
- C sesuatu yang tumbuh atau hidup di dalam atau di atas air.
- D tumbuhan dan haiwan yang habitatnya hanya di dalam air.

Soalan 7 hingga 10

Baca iklan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SEKOLAH KEBANGSAAN SERI KANDI

PERTANDINGAN

MENGARANG CERITA

SEMPENA HARI GURU 2022 (16 MEI 2022)

Anjuran : Panitia Bahasa Melayu SKSK
 Penyertaan : Terbuka kepada Murid Tahap Dua
 Tema : Guru Tunjang Sekolah Sejahtera
 Tarikh tutup : 14 Mei 2022 (Khamis)

Hasil karangan hendaklah dihantar kepada:
 Cikgu Roziah binti Ibrahim (Ketua Panitia Bahasa Melayu)
 Jumlah perkataan hendaklah antara 250 hingga 300 patah perkataan

HADIAH LUMAYAN MENANTI ANDA!

Pertama



Kedua



Ketiga



10 Sagu Hati



Borang penyertaan Pertandingan Mengarang Cerita sempena Hari Guru 2022 boleh didapati daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru kelas masing-masing

7 Pemenang pertama pertandingan tersebut akan menerima se _____ komputer riba.

- A** biji
- B** buah
- C** ketul
- D** keping

8 Siapakah yang menganjurkan pertandingan bercerita sempena sambutan Hari Guru 2022?

- A** Guru kelas Sekolah Kebangsaan Seri Kandi.
- B** Panitia Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Seri Kandi.
- C** Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Kebangsaan Seri Kandi.
- D** Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Seri Kandi.

9 Frasa *Guru Tunjang Sekolah Sejahtera* boleh dikaitkan dengan

- A** Tema Hari Guru 2022.
- B** Sketsa Hari Guru 2022.
- C** Anugerah Hari Guru 2022.
- D** Pertandingan Hari Guru 2022.

10 Berikut adalah pernyataan yang **benar** tentang iklan **kecuai**

- A** tarikh tutup penyertaan pertandingan mengarang pada 14 Mei 2022.
- B** sebanyak tiga belas hadiah telah disediakan untuk pertandingan tersebut.
- C** hasil karangan hendaklah dihantar kepada Ketua Panitia Bahasa Melayu.
- D** semua murid Sekolah Kebangsaan Seri Kandi boleh menyertai pertandingan itu.

Soalan 11 dan 12

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab **soalan-soalan** yang berikutnya.

Udang galah dikelaskan sebagai haiwan omnivor yang boleh makan pelbagai jenis makanan. Bagi memudahkan kita untuk mengesan udang galah, seeloknya gunakan umpan yang berbau. Jika di kawasan air jernih, udang galah sangat peka dan agak sukar untuk ditangkap melainkan jika dipancing pada waktu malam.

Umpan yang selalu digunakan untuk memancing udang galah adalah seperti cacing tanah atau anak udang malahan isi kerang, isi remis, dan isi ikan juga boleh dijadikan umpan untuk memperdayakan udang galah. Umpan lain seperti jantung ayam atau hati ayam juga sesuai digunakan jika memancing udang galah yang dipelihara di dalam kolam.

Waktu terbaik memancing udang galah adalah pada musim kering, tiada hujan turun sebelum memancing. Udang galah merupakan antara hasil sungai yang agak tinggi harganya. Kepelbagaian menu masakan yang berasaskan udang galah segar menjadi hidangan popular semasa makan tengah hari atau ketika makan malam bersama-sama keluarga di samping rasanya yang enak dan lazat.

11 Jika memancing di kawasan air yang jernih, kita disarankan memancing pada waktu _____.

[1 markah]

12 Di manakah kaki pancing boleh mengail udang galah?

Kaki pancing boleh mengail udang galah di _____.

[1 markah]

13 Pilih dan tandakan (✓) bagi kata ganda penuh yang paling sesuai berpandukan gambar.



_____ itu sedang membungkus jagung susu yang baru dipetik untuk dipasarkan.

Pekerja-pekerja	Pelayan-pelayan	Pelawat-pelawat
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

[1 markah]

14 Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

Encik Krim amat gembira kerana ramai tetamu menghadiri majlis persaraannya.

Gembira amat Encik Karim kerana tetamu majlis ramai menghadiri persaraannya.

Encik Karim amat gembira kerana majlis persaraannya dihadiri oleh ramai tetamu.

[1 markah]

15 Tandakan (✓) bagi kata kerja yang paling sesuai berpandukan gambar yang diberikan.




menumis	<input type="checkbox"/>
mengukus	<input type="checkbox"/>
menjerang	<input type="checkbox"/>

[1 markah]

Soalan 16

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan **pendapat kamu** berdasarkan situasi dan maklumat tersebut.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **bentuk perenggan** dengan menggunakan **ayat yang lengkap**.



Kamu mempunyai seorang kawan yang agak lemah dalam pelajaran. Dia selalu meminta bantuan dan tunjuk ajar daripada kamu untuk menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapinya.

Sebagai seorang kawan, apakah yang harus kamu lakukan?

Handwriting lines for the answer to Soalan 16.

[5 markah]

Soalan 17

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan **pendapat kamu** berdasarkan situasi dan bahan tersebut.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **bentuk perenggan** dengan menggunakan **ayat yang lengkap**.



Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan jika seseorang itu mengalami demam atau sakit?

Tulis jawapan kamu itu selengkapnya pada ruangan yang disediakan.

Handwriting lines for the answer to Soalan 17.

[5 markah]

Soalan 18

Tulis **nilai murni** yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjang jawapan kamu hendaklah **tidak melebihi daripada 50 patah perkataan**.



Permainan rakyat mempunyai manfaat tertentu dan bukan sekadar boleh mengisi masa yang terluang sahaja. Permainan congkak selain menghiburkan, turut memberi banyak manfaat kepada para pemainnya. Antaranya, bermain congkak dapat membantu kanak-kanak mengasah kemahiran mengira dan boleh membentuk sifat sabar dalam kalangan pemain.

Permainan congkak juga dapat membentuk tingkah laku yang berhemah dan pergerakan yang cekap serta pantas terutamanya pada pergerakan mata dan tangan. Permainan congkak mampu memupuk semangat perpaduan dan suasana harmoni antara satu sama lain.

Apabila permainan congkak bermula, rakan-rakan pemain congkak datang menyokong kedua-dua pemain. Sokongan daripada rakan-rakan mampu melahirkan semangat perpaduan. Permainan congkak juga mempunyai beberapa peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi. Justeru, setiap pemain amat perlu mematuhi disiplin yang telah ditetapkan. Pemain mudah ditewaskan jika gagal mematuhi peraturan tersebut.

Soalan 19

Tulis karangan berdasarkan **bahan grafik** dan **maklumat** yang disediakan di bawah ini.

Panjang karangan kamu itu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGELAKKAN KERACUNAN MAKANAN

IDEA-IDEA YANG BERKAITAN

- * Menghidangkan makanan yang bersih
- * Menutup makanan dengan tudung saji
- * Menyediakan makanan yang seimbang
- * Membasuh tangan sebelum makan
- * Memilih makanan yang baik dan bersih
- * Menjaga kebersihan kantin atau gerai
- * Memantau kebersihan premis makanan
- * Menyediakan bekal untuk anak-anak
- * Membawa bekal makanan berkhasiat

